

# JINTAN BUKAN SEKADAR

## Rempah Masakan

Oleh NURRAIHANA HAMZAH dan NORFARIZAN HANOON NOOR AZMI



**MASYARAKAT** di Malaysia, terutama kaum Melayu terkenal dengan penggunaan pelbagai rempah ratus dalam masakan mereka. Antara rempah ratus yang sering digunakan ialah jintan. Terdapat empat jenis yang biasa digunakan, iaitu jintan, jintan hitam, jintan putih dan jintan manis.

Jintan atau nama saintifiknya *Carum carvi* L. sejenis pokok herba yang tumbuh liar di tanah tinggi. Pokok ini tumbuhan asli di Eropah dan Asia. Biji jintan secara tradisionalnya digunakan untuk merawat demam panas, masalah pembuangan air besar, kembung angin, sakit kepala, diuretik, sawan dan selesema.

Bijinya dikunyah untuk merawat nafas berbau busuk. Minyak daripada biji ini pula digunakan sebagai tonik perut bagi mengeluarkan angin dari perut dan usus. Jintan juga dapat merawat perut kembung.

Menurut kajian Nicola, Pietro, Francesco, dan Felice (2005) menerusi "*Antibacterial Activity of Cuminum cyminum* L. and *Carum carvi* L. *Essential Oils*" menunjukkan

minyak pati biji jintan terdiri daripada komponen utama, seperti karvon, linonena, germakrena D dan trans-dihidrokarvon.

Mereka turut menjalankan kajian antibakteria terhadap minyak pati ini dan hasil kajian mendapati minyak pati ini menunjukkan aktiviti yang tinggi terhadap genera *Clavibacter*, *Curtobacterium*, *Rhodococcus*, *Erwinia*, *Xanthomonas*, *Ralstonia*, dan *Agrobacterium* yang merupakan pembawa penyakit pokok dan tanaman cendawan di seluruh dunia. Penemuan ini menunjukkan bahawa minyak pati ini berpotensi mengawal bakteria penyakit.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Lahlou, Tahraoui, Israili, dan Lyoussi pada tahun 2007 menunjukkan ekstrak akueus jintan mempunyai kesan diuretik yang kuat dan membuktikan kegunaan etnofarmakologi tersebut.

Jintan hitam atau nama saintifiknya *Nigella sativa* L. berasal dari Mediterranean Timur dan Afrika Utara hingga timur laut India.

Tumbuhan herba ini turut ditanam di kawasan lain, seperti di Amerika, Eropah dan Asia Tenggara. Biji jintan hitam secara tradisionalnya digunakan sebagai diuretik untuk membunuh atau menyingkirkan cacing di dalam perut dan usus.

Biji jintan hitam mampu mengeluarkan angin dari perut dan usus serta melancarkan kitaran haid. Biji jintan yang dicampurkan dengan cuka digunakan sebagai ubat pupuk pada bisul, botak, ekzema dan kurap.

Selain itu, bijinya digunakan untuk merawat asma, kencing manis, demam, sakit kepala dan darah tinggi. Menurut kajian yang dijalankan, biji jintan hitam ini mengandungi 36 – 38 peratus minyak, protein, alkaloid, saponin dan 0.4 – 2.5 peratus minyak pati. Minyak pati tersebut terdiri daripada tiamokuinon, p-siamena, karvakrol, t-anetol, 4-terpineol dan longifolina.

Pelbagai kajian farmakologi dijalankan terhadap ekstrak jintan hitam. Kajian menunjukkan biji atau minyaknya mempunyai aktiviti analgesik,

# DEWAN KOSMIK

MAJALAH SAINS DAN TEKNOLOGI



## EKSTRAK GAMAT AGEN PENYEMBUHAN LUKA



MAC 2012  
Semnanjung Malaysia : RM5.00  
Sabah/Sarawak : RM5.50  
Brunei Darussalam : B\$6.00  
Singapore : S\$6.00  
KK 603 91020-0312  
ISSN 0129-6673

<http://dwnkosmik.dbp.my>